

21/07/2001

Usah pesong tumpuan generasi muda: PM

Nasir Hassan; Veena Rusli; Azman Mahmood

KOTA BHARU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta kalangan tertentu supaya tidak mengkhianati bangsa dengan memesongkan tumpuan generasi muda yang sedang menuntut semata-mata bagi memenuhi kepentingan segelintir pihak.

Perdana Menteri berkata, perbuatan yang dianggap sebagai satu penganiayaan itu akan menghalang golongan terbabit daripada menguasai ilmu penting yang berguna bagi masa depan mereka.

"Saya merayu kepada semua pihak supaya ketepikan masalah perselisihan antara kita dalam perkara ini kerana dalam hal berkaitan pelajaran, jangan bawa masuk perkara lain.

"Jangan campur aduk dengan perkara lain kerana perbuatan demikian mengkhianati bangsa kita... adakah kita nak bangsa kita dihina lagi, tak berpelajaran, bodoh, tak tahu apa, miskin?

"Saya yakin ini bukan kehendak kita dan pada zaman revolusi maklumat seperti sekarang, kita berada pada zaman yang cukup kritikal dan adalah penting untuk kita menimba ilmu bagi mencapai sesuatu yang tidak dapat dinikmati ketika revolusi industri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Celik IT 2001 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian 2 dekat sini, hari ini.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Penasihat Kementerian Kewangan merangkap Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed; Pengerusi KUB Berhad, Datuk Hassan Harun dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir.

Dr Mahathir berkata, tiada gunanya kerajaan menubuhkan universiti lagi jika mereka yang berpeluang melanjutkan pengajian di menara gading tidak berminat untuk memanfaatkannya.

Apa yang menyedihkan, tegasnya, ialah mereka yang tidak berminat untuk belajar turut menyekat golongan yang ingin menumpukan perhatian dalam agenda menimba ilmu supaya jangan berbuat demikian.

"Kalau pun mereka ada minat dalam bidang lain, tunggulah selepas lulus universiti apabila masa kita adalah hak kita dan segala perbelanjaan adalah daripada kita.

"Masa tu buatlah apa saja... nak jadi penyamun atau penyangak pun boleh sebab yang nak kena bayar balik ialah kita tetapi masa di universiti, kita berada di situ kerana dibiayai rakyat yang membayar cukai kepada kerajaan.

"Kalau tak nak belajar, kita rela guna wang untuk tolong orang miskin. Mereka yang di universiti amat sombong bila kita tegur... pasal mereka bazir duit tak nak dengar, tapi kita disuruh dengar apa mereka kata," katanya.

Perdana Menteri turut mengingatkan semua pihak supaya tidak menyalahgunakan pengetahuan berhubung teknologi maklumat (IT) bagi menabur fitnah sedangkan bangsa lain menggunakannya untuk meraih ilmu.

Beliau berkata, usaha pelbagai pihak menyediakan kemudahan seperti makmal komputer di sekolah adalah bertujuan untuk meningkatkan ilmu di kalangan pelajar supaya mereka menjadi cekap dan bijak.

Cabaran globalisasi, katanya, akan membolehkan pihak asing yang berpengetahuan menjajah negara ini dengan mudah.

"Bagaimanapun, jika generasi akan datang dilengkapi ilmu dan pengetahuan, kita yakin mereka berupaya menangkis segala serangan terhadap budaya mereka, bangsa mereka dan negara mereka," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir dan isteri mendengar taklimat mengenai kemajuan

projek pembinaan terminal Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa yang bernilai RM48.5 juta.

Taklimat ringkas di tapak projek pembinaan terminal baru yang dimajukan syarikat Kubang Batang Puspsari Sdn Bhd, disampaikan Pengarah Urusan Malaysia Aiport Berhad (MAB), Datuk Adnan Shamsuddin.

Ketibaan Perdana Menteri bersama isteri di lapangan terbang itu kira-kira jam 8.50 pagi dengan pesawat khas disambut Mustapa; Timbalannya, Datuk Annuar Musa; Ahli Parlimen Gua Musang; Tengku Razaleigh Hamzah; Ketua Umno Bahagian Pengkalan Chepa, Dr Nik Mohd Zain Nik Omar; Hassan dan pemimpin Kerajaan Persekutuan.

Perdana Menteri dan isteri turut disambut kira-kira 2,000 rakyat Kelantan di perkarangan lapangan terbang itu.

Sejurus selepas mendengar taklimat itu, Perdana Menteri bersama isteri bermesra dan bergambar dengan orang cacat daripada Yayasan Pemulihan orang cacat Pengkalan Chepa.

Peletakan batu asas pembinaan terminal itu sebelum ini dilakukan Perdana Menteri pada 22 Julai 1999.

Pembinaan terminal terbabit yang bermula pada 25 Oktober 2000 kini memasuki fasa kedua pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember 2002.

(END)